



Jenayah telefon bimbit

Kosmo 31/10/08 M/S 20

Adakah trend penyalahgunaan telefon bimbit di kalangan pelajar sekolah sehingga menjurus kepada perlakuan tidak senonoh sukar dibendung?

BARU-BARU ini, sebuah sekolah menengah di Kuala Terengganu mendapat perhatian 'lebih', gara-gara aksi panas seorang pelajar perempuan dalam klip video yang tersebar ke serata Malaysia.

Klip video yang berlatarbelakangkan sebuah kelas itu menjadi pilihan lokasi penggambaran 'krew remaja' yang sepatutnya menelaah buku.

Rakaman video yang dibuat menerusi telefon bimbit berkamera seperti itu sebenarnya bukan perkara baru dan tidak hanya berlaku di sekolah. Sekali-sekala dada akhbar turut mendedahkan kes seperti ini yang berlaku di bilik sewa, taman rekreasi dan sebagainya. Suka atau tidak, ia seakan satu trend dalam era teknologi hari ini.

Namun, jika diteliti, ada beberapa perkara yang boleh dipersoalkan dalam isu aksi panas pelajar ini. Pertamanya, bagaimanakah telefon bimbit boleh dibawa ke sekolah padahal larangan telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran. Bukankah Kementerian Pelajaran telah menarik balik kebenaran membawa telefon bimbit ke sekolah mulai tahun ini seperti yang dilaporkan pada November tahun lalu?

Mungkinkah ini berlaku kerana penguatkuasaan yang lemah di sekolah? Kita sendiri pun tidak pasti jawapannya. Sebabnya kadang-kadang, pihak sekolah berada dalam dilema untuk mengambil tindakan tegas. Ini kerana ibu bapa seringkali menyebelahi pelajar apabila telefon bimbit dirampas pihak sekolah.

Justeru itu, salah siapa? Adakah kita perlu salahkan teknologi?

Jika pengaruh komunikasi teknologi maklumat (ICT) yang dipersalahkan, bukankah kita tidak berkuasa



AKSI-AKSI panas pelajar di sekolah yang disebarikan menerusi telefon bimbit amat memalukan.

sepuhnya untuk menentukan trend global? Hakikatnya, manusia terpaksa hanyut dengan arus peredaran zaman.

"Inilah namanya fenomena global. Kalau tak ada handphone, macam tak kena dengan masa kini. Tapi, ini jugalah harga yang perlu dibayar. Maksudnya, nikmat pembangunan kebendaan yang hadir dengan kesan positif dan negatif," kata Dr. Sarjit Singh Gill, seorang Ahli Antropologi Sosial dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Saat dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini,

pensyarah kanan ini berkata, pemilihan telefon bimbit di kalangan remaja mahupun pelajar mungkin satu keperluan masa kini. Malah, kebanyakan ibu bapa juga melihat 'keperluan' ini sebagai langkah keselamatan anak sewaktu berlaku kecemasan.

"Pada tahun 1980-an dan 1990-an, waktu belajar pun kita tidak perlukan telefon mudah alih. Itu pun kita tahu bila bas sekolah atau ibu bapa akan datang.

"Akan tetapi, impak ICT yang meluas menyukarkan pemantauan sepenuhnya

daripada pihak berkuasa, ibu bapa mahupun sekolah. Selagi telefon bimbit dibawa ke sekolah, selagi itulah anak-anak kita terdedah kepada risiko penyalahgunaan. Ini satu masalah yang tidak patut dipandang remeh," tegasnya.

Majoriti ibu bapa hari ini yang lebih memberi tumpuan kepada aspek kerjaya dan kepuasan material juga secara tidak langsung menyuluh anak remaja ke arah kebebasan melampau. Sedar atau tidak, anak-anak remaja sudah tahu menyimpan wang saku. Bukan untuk membeli buku tetapi telefon bimbit!

Jika hendak dibuat perbandingan, ada ketikanya, telefon mudah alih pelajar-pelajar ini lagi 'terkini' berbanding yang dimiliki ibu bapa mereka. Pengaruh rakan sebaya turut tidak terkecuali dalam senarai siapa yang harus dipersalahkan.

Jelas Dr. Sarjit lagi, ibu bapa patut menjadi contoh yang baik agar dapat melahirkan generasi berkualiti.

Sementara itu, pihak sekolah tidak patut dipersalahkan sepenuhnya jika larangan membawa telefon bimbit ke sekolah tidak diendahkan oleh pelajar. Ini kerana andainya pihak sekolah merampas telefon bimbit sekali pun, tentunya ia akan mencetuskan kemarahan ibu bapa. Padahal, pelajar sendiri yang melanggar peraturan.

Maka dengan ini adakah bermakna pihak Kementerian Pelajaran perlu mengambil langkah yang lebih tegas dan drastik dalam menguatkuasakan larangan tersebut?

"Pihak kementerian sesungguhnya tiada pilihan tetapi melakukan sesuatu. Kita tidak boleh membentuk masyarakat yang patuh pada peraturan dan bertindak seandainya kita hanya bercakap sahaja," tambahnya.